



UB 17/02/2011 A14

UMS-KAL ungguli Futsal Juara Rakyat Umno Labuan

LABUAN : Pasukan Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) muncul juara kejohanan futsal kategori pertubuhan sempena Karnival Sukan Hari Wilayah Persekutuan Labuan di Gelanggang Futsal Perbadanan Labuan, baru-baru ini.

Pasukan itu yang diberisi Rizalman Judin, Yusdi Lamat, Mohd Nazlin Silamat, Norfizan Norisan, Mohd Zulhelmi Lamit, Mohd Ali Salleh dan Douglas Eric Elisa Tar menewaskan Parti Bersatu Sabah (PBS) 2-1 di perlawanan akhir hasil jaringan Eric dan Norfizan.

Dengan kemenangan bergaya itu, UMS-KAL membawa pulang hadiah wang tunai RM600 berserta sijil penyertaan.

Tempat ketiga dimenangi Umno Labuan.

Pada perlawanan peringkat kumpulan, UMS-KAL menewaskan Umno Tenom 2-1 hasil jaringan Mohd Nazlin Silamat.

Selepas itu, UMS-KAL menang tanpa bertanding ke atas pasukan Parti Bumiputra Pesaka Bersatu Sarawak (PBB) Cawangan Limbang dan MCA Labuan.

Manakala di suku akhir, UMS-KAL

mengatasi Majlis Belia Labuan 2-1 hasil jaringan Mohd Nazlin dan Mohd Zulhelmi.

Sebelum melangkah ke perlawanan akhir, UMS-KAL mengecewakan pasukan Majlis Belia Muara Brunei dengan kemenangan tipis 1-0 hasil jaringan Mohd Zulhelmi di separuh akhir.

Ketua Pergerakan Pemuda Umno Bahagian Labuan, Mohd Rafi Alli Hassan mengucapkan terima kasih kepada semua pasukan yang menyertai kejohanan itu yang diadakan sempena program Juara Rakyat anjuran Umno Bahagian Labuan.

Selain pasukan dari Labuan, kejohanan dua hari itu turut disertai pasukan Pemuda Umno Tenom, Pemuda Umno Titiwangsa, Belia Brunei dan PBB Limbang.

Karnival Sukan Hari Wilayah 2011 itu dirasmikan oleh Naib Presiden Umno, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal.

Turut hadir Ahli Parlimen Labuan, Datuk Yussof Mahal, Pemangku Ketua Bahagian, Datuk Yunus Kurus, Naib Ketua, Bashir Alias, Ketua Wanita, Aini Safar, Ketua Puteri, Rahimah Lamat dan Setiausaha Umno, Rozman Isli.